

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 8 NOVEMBER 2016 [SELASA]

SOALAN :

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berapa jumlah permohonan di bawah MPOB untuk program bantuan penanaman sawit daripada pekebun-pekebun kecil di Negeri Sarawak dan daripada sejumlah permohonan yang diterima, berapakah yang telah diluluskan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah menyediakan dua skim bantuan kepada pekebun-pekebun kecil sawit seperti berikut:

- (i) Skim bantuan Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK): dan
- (ii) Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).

Kadar bantuan adalah sebanyak RM9,000 sehektar bagi pekebun kecil di Sarawak. Bantuan ini bagi membiayai kos penyediaan tanah, bahan tanaman dan input pertanian.

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah permohonan yang diterima bagi kedua-dua skim ini sehingga September 2016 dari Negeri Sarawak adalah seramai 29,801 orang dengan jumlah keluasan 71,552 hektar. Daripada jumlah tersebut:

- (i) Seramai 224 orang dengan keluasan 953.8 hektar adalah bagi permohonan TSSPK; dan

- (ii) Seramai 29,557 orang dengan keluasan 70,597.97 hektar adalah bagi permohonan TBSPK.

Jumlah permohonan yang telah diluluskan sehingga September 2016, adalah sebanyak 25,575 dengan keluasan 54,675 hektar. Daripada jumlah tersebut:

- (i) 197 orang dengan keluasan 680 hektar bagi Skim TSSPK; dan
- (ii) 25,378 orang dengan keluasan 53,995 hektar bagi Skim TBSPK.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**
TARIKH : **8.11.2016**
SOALAN : **NO. 20**

Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) jumlah peratusan pelajar yang tidak meneruskan pengajian di peringkat universiti kerana masalah kewangan; dan
- (b) apakah usaha-usaha Kementerian untuk meringankan beban pelajar selain pemberian pinjaman daripada PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pelajar warganegara yang mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA) bagi tempoh sehingga Oktober 2015 adalah seramai 1.07 juta orang. Daripada jumlah tersebut, hanya 2.2 peratus pelajar yang berstatus berhenti atau diberhentikan.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) amat prihatin dengan kebajikan semua pelajar di UA. Bagi menangani isu harga makanan pihak UA telah memperkenalkan beberapa program untuk membantu pelajar yang memerlukan. Antaranya menu bajet ('menu ihtimam' di USIM & Program Kongsi Rezeki: Cheap Meal 4U & Program Baucer Sinaran yang berbentuk tajaan makan tengah hari di UMP), *suspended meal* (UPM & UPSI), program kupon makanan (di UniSZA, UMK & *Mahabbah Food Programme* di UIAM) dan sebagainya. Selain daripada ini, program pengedaran makanan percuma oleh sukarelawan dan Pusat Islam UA (UTM KL) juga turut di adakan.

Dari segi menangani beban kewangan pelajar, KPT menyediakan 18 program penajaan biasiswa dan bantuan kewangan di peringkat sijil sehingga pasca kedoktoran. Penajaan yang disediakan adalah untuk warga negara Malaysia dan pelajar antarabangsa.

Pemberian biasiswa dan bantuan kewangan ini mengambil kira faktor kelayakan yang mana KPT sentiasa memastikan pemberian biasiswa di peringkat pendidikan tinggi ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kriteria ditetapkan seperti merit akademik, ko-kurikulum dan latar belakang sosioekonomi keluarga pemohon. Langkah ini dipraktikkan bagi memastikan keadilan bagi semua kumpulan sasaran yang berkelayakan dan pembangunan modal insan yang seimbang di seluruh negara.

Selain KPT, terdapat Kementerian dan agensi Kerajaan lain yang menyediakan penajaan kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi seperti Jabatan Perkhidmatan Awam, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Yayasan-Yayasan Negeri dan agensi berkaitan Kerajaan seperti PETRONAS, Yayasan Tenaga Nasional, Yayasan Telekom, Bank Negara Malaysia dan Khazanah Nasional.